

PhD

Mengejar Sebuah Harapan



Mohd Rafi Yaacob, PhD
Asyraf Hj. Abdul Rahman, PhD

PhD

**MENGEJAR SEBUAH
HARAPAN**

Mohd Rafi Yaacob, PhD
Asyraf Hj. Abdul Rahman, PhD

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

© UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Cetakan Pertama : September 2012

Tidak dibenarkan meniplak atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini sama secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau lain-lain sebelum terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISBN 978-967-5782-37-4

Diterbitkan Oleh :

Universiti Malaysia Kelantan

Taman Bendahara,

16100 Pengkalan Chepa, Kelantan.

Tel: 09 771 7181 Faks: 09 771 7182

Assalamualaikum,

Saya mengucapkan syabas kepada Profesor Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan dan Profesor Madya Dr. Ashraf Abd. Rahman, Fakulti Pembangunan Sosial, Jabatan Pengajian Sosial, Universiti Malaysia Terengganu yang terlibat dalam penulisan buku ini yang bertajuk "PhD – Mengejar Sebuah Harapan". Buku soal-jawab ini ditulis berdasarkan pengalaman kedua pensyarah sewaktu mereka menjadi calon PhD dan juga berdasarkan pengalaman mereka menjadi penyelia pelajar PhD. Di samping itu mereka juga berpengalaman menjadi pemeriksa dalam dan luar PhD. Pendekatan buku yang menggunakan soal-jawab bukan sahaja dapat memudah pembaca memahami isu-isu berkaitan PhD tetapi pada masa dapat membantu pembaca melihat bagaimana sesuatu isu dibahas dan bagaimana tindakan diambil untuk menangani permasalahan yang dihadapi.

Saya percaya buku ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada calon dan bakal calon PhD di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Sebenarnya mendapat PhD bukanlah sesuatu yang mustahil, ia memerlukan semangat juang yang kental, disiplin yang tinggi dan rasa cintakan ilmu pengetahuan. Maklumat yang diguna dalam buku ini boleh dijadikan panduan kepada calon dan bakal PhD kerana ia ditulis oleh mereka yang melalui proses PhD dengan jayanya. Buku ini juga sesuai untuk dibaca oleh penyelia PhD kerana maklumat yang didapati boleh juga dijadikan panduan dalam penyeliaan pelajar. Kerjasama yang mantap antara pelajar dan penyelia amat penting kerana perancangan dan pelaksanaan apa yang dirancang memasti tercapai sebuah cita-cita untuk memperolehi PhD walaupun terdapat pelbagai cabaran dan rintangan.

Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang ingin melahirkan lebih banyak pensyarah berkelulusan PhD kerana mereka mampu membantu meletak Malaysia sebagai hub pendidikan yang terkenal di rantau Asia dan seterusnya sebagai pemangkin yang dapat mendokong hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, buku ini amatlah dialu-alukan.

Wassalam.

Profesor Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose
Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan

proses-proses dalam menempuhnya.

Buku ini, "PhD – Mengejar Sebuah Harapan" ditulis berdasarkan pengalaman pahit dan manis penulis sewaktu belajar PhD dalam bidang sains sosial di luar negara (Australia dan United Kingdom) dan pengalaman setelah memperolehi PhD apabila kami mula berkhidmat sebagai pensyarah di institut pengajian tinggi awam (IPTA). Dalam pada itu, kami juga terlibat secara langsung sebagai penyelia kepada pelajar PhD serta dilantik sebagai pemeriksa luar dan dalam pada sesi VIVA-VOCE. Pengalaman yang ditimba memantapkan kami dalam aspek pengajian dan penyeliaan PhD. Semoga persoalan yang diajukan dan jawapan yang diberikan dalam buku ini mampu untuk dikongsi bersama dan boleh dijadikan panduan yang bersesuaian. Adalah diharap, buku kecil ini dapat membuka minda anda dan seterusnya membantu anda membuat keputusan yang tepat untuk merealisasikan sebuah impian untuk memperolehi PhD dalam hidup anda nanti.

HALAMAN	TAJUK
1	TEMA 1 MELANJUT PENGAJIAN KE PERINGKAT PHD
12	TEMA 2 KELEBIHAN BELAJAR PhD DALAM ATAU LUAR NEGARA
15	TEMA 3 SYARAT-SYARAT KEMASUKAN
19	TEMA 4 PENYELIA DAN PENYELIAAN
33	TEMA 5 PhD DAN KELUARGA
39	TEMA 6 MENGENALPASTI MASALAH PENYELIDIKAN
41	TEMA 7 MEMILIH TOPIK DAN PROPOSAL PENYELIDIKAN
45	TEMA 8 STRATEGI PEMBELAJARAN
49	TEMA 9 TESIS
51	TEMA 10 KEMAHIRAN STATISTIK DAN PERISIAN KOMPUTER
56	TEMA 11 METODOLOGI KAJIAN

HALAMAN	TAJUK
60	TEMA 12 MEMILIH BAHASA PENULISAN
63	TEMA 13 SOROTAN LITERATUR
69	TEMA 14 MENULIS ARTIKEL DAN MEMBENTANG KERTAS KERJA
72	TEMA 15 VIVA-VOCE
76	TEMA 16 Pemeriksaan Tesis
82	TEMA 17 GERAN PENYELIDIKAN
83	TEMA 18 BEKERJA SEMASA BELAJAR
85	TEMA 19 BIASISWA DAN SOAL KEWANGAN
91	TEMA 20 PhD NETWORKING (JARINGAN PhD)
93	TEMA 21 KEKUATAN MENTAL
95	TEMA 22 TEMPOH WAKTU IDEAL MENGHABIS PhD

HALAMAN	TAJUK
96	TEMA 23 STATUS PhD APABILA KEMBALI BEKERJA
97	TEMA 24 SUMBANGAN TESIS KEPADA DUNIA ILMU
99	TEMA 25 KEMUDAHAN PRASARANA PEMBELAJARAN
101	TEMA 26 PENGUTIPAN DATA (KAJIAN LAPANGAN)
102	TEMA 27 PENYEDIAAN SOAL SELIDIK
103	TEMA 28 PENILAIAN PRESTASI CALON PhD
104	TEMA 29 LIKU-LIKU PENGALAMAN PhD
107	TEMA 30 PhD, KESARJANAAN DAN KEMAJUAN KERJAYA
110	TEMA 31 KEGAGALAN MENAMATKAN PhD
113	TEMA 32 LAIN-LAIN HAL BERKAITAN PhD
115	PENUTUP

TEMA 1

MELANJUT PENGAJIAN KE PERINGKAT PhD

Soalan 1

Saya adalah pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana dari salah sebuah IPTA di utara Malaysia. Saya berhasrat ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD, tetapi saya runting kerana persaingan untuk mendapatkan tempat bagi pengajian PhD semakin sengit di Malaysia. Apakah yang saya perlu lakukan untuk menceraikan peluang saya belajar PhD?

Jawapan

Memandangkan anda masih lagi meneruskan pengajian di peringkat sarjana, adalah penting untuk anda tingkatkan gred atau keputusan yang bagus dalam pengajian anda agar keputusan yang diperolehi kelak memenuhi syarat untuk diterima sebagai calon PhD. Dalam pada itu, anda juga perlu membuat persediaan dari sekarang dengan membiasakan diri terlibat dalam membuat kajian atau penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan yang boleh diteruskan untuk peringkat PhD kelak. Selain itu, penguasaan bahasa Inggeris yang baik juga menjadi satu kelebihan dalam persaingan. Anda boleh tunjukkan keputusan IELTS atau MUET terbaru yang diambil. Di samping itu, anda perlu memastikan anda mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah dan profesor di tempat anda belajar sekiranya anda berhasrat menyambung PhD di bawah penyeliaan pensyarah tersebut. Hubungan baik juga penting kerana mereka juga bakal menjadi pengadil anda jika anda memohon belajar di universiti lain. Sokongan yang baik dari pensyarah anda amatlah penting dalam keadaan ini. Anda juga perlu memikirkan serta memilih topik yang sesuai dengan bidang yang anda ingin jalankan penyelidikan dan perlu menyediakan proposal yang baik. Terdapat banyak buku-buku di pasaran yang menunjukkan kaedah penyediaan proposal berkualiti.

Selain faktor diri anda sendiri, faktor keupayaan fakulti untuk menyelia anda juga perlu diambil kira. Sesetengah universiti tidak mempunyai pensyarah dalam sesuatu bidang ataupun pensyarah yang sedia ada sudah pun mencukupi kuota pelajar PhDnya. Dalam kes ini kemungkinan besar permohonan PhD anda akan ditolak kerana fakulti tidak lagi mempunyai kapasiti untuk menerima pelajar yang ramai untuk pengajian PhD. Oleh sebab itu, adalah penting untuk anda merisik atau mengetahui sama ada sesebuah fakulti itu mempunyai tenaga kepakaran dalam bidang yang anda akan lakukan penyelidikan nanti.

Perlu diingat, jika memohon janganlah berharap kepada satu universiti sahaja. Anda boleh mengemukakan permohonan kepada beberapa buah universiti. Dengan itu, peluang anda untuk mendapatkan tempat pengajian adalah lebih cerah.

Soalan 2

Saya ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Saya di persimpangan, mana satu yang perlu saya pilih, PhD atau DBA?

Jawapan

Kedua-dua pengajian ini membolehkan anda meletak gelaran Doktor atau Dr. di depan nama anda. Memilih sama ada PhD atau Doctrate of Business Administration (DBA) berasaskan beberapa sebab. Pertama dari segi tujuan pengajian anda. Jika anda seorang ahli akademik ataupun seseorang yang bercita-cita menjadi ahli akademik yang mantap dari segi teori, metodologi, analisa data mahupun kupasan daripada penemuan kajian, maka pengajian PhD lebih sesuai. Tidak hairanlah dalam pengajian PhD, calon perlu menyiapkan satu tesis yang mana memenuhi atau mencapai taraf PhD. Di sini anda perlu fokus kepada penyelidikan yang dijalankan dan penyelia andalah yang perlu anda rujuk sepanjang tempoh pengajian. Ini bermakna dalam pengajian PhD, anda nampaknya berseorangan dan penyelia andalah yang akan membantu atau bertindak sebagai rakan perbincangan anda nanti. Setelah bergelar ahli akademik nanti, yang memerlukan anda menyelia pelajar sarjana dan PhD, maka pengalaman yang anda telah tempuhi dalam pengajian PhD lalu merupakan satu kelebihan kepada anda.

Sebaliknya, jika anda seorang pengurus, atau pegawai atau usahawan yang mana anda berkemungkinan tidak berminat menjadi ahli akademik yang mengajar di institut pengajian tinggi, nampaknya DBA lebih sesuai. Ini adalah kerana bentuk pengajian DBA itu sendiri mempunyai subjek-subjek tertentu yang perlu diambil dalam semester tertentu. Anda perlu